

# KEMASYARAKATAN DAN PERPADUAN

PENGAJIAN MALAYSIA

MOHD SHAFIE MOHD AHYAT | ZAWANI BINTI ABU RAIS

DITERBITKAN OLEH:  
KOLEJ KOMUNITI PAGOH



# KEMASYARAKATAN DAN PERPADUAN



## HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan atau dihantar, dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kolej Komuniti Pagoh

e ISBN 978-967-16402-7-2

TERBITAN PERTAMA : 2024

### PENAUNG

Khairul Anuar bin Muhamad  
Pengarah, Kolej Komuniti Pagoh

### PENASIHAT

Normah binti Ishak  
Timbalan Pengarah, Kolej Komuniti Pagoh

### FASILITATOR

Zawani binti Abu Rais  
Pegawai e-Pembelajaran Digital (PeL)

### PENULIS DAN PENYUNTING

Mohd Shafie bin Mohd Ahyat  
Zawani binti Abu Rais

### DITERBITKAN OLEH:

Kolej Komuniti Pagoh  
No 1-6, Jalan Pagoh Jaya 1/5,  
Taman Pagoh Jaya, 84500 Muar, Johor.

Telefon : 06-9736001

# PENAFIAN

Maklumat yang disediakan dalam buku ini direka bentuk untuk memberikan maklumat yang berguna tentang perkara yang dibincangkan. Kandungan buku ini termasuk contoh, imej dan rujukan disediakan untuk tujuan maklumat sahaja. Sebarang pendapat atau pernyataan yang dinyatakan atau ditulis dalam buku ini merupakan pertimbangan kami pada masa dikeluarkan dan tertakluk kepada perubahan. Kami percaya bahawa maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah betul dan bahawa sebarang anggaran, pendapat, kesimpulan atau cadangan adalah wajar dipegang atau dibuat pada masa penyusunan. Walau bagaimanapun, tiada jaminan dibuat tentang ketepatan atau kebolehpercayaan (yang mungkin berubah tanpa notis) atau maklumat lain yang terkandung dalam buku ini. Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, kami menafikan semua liabiliti dan tanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung yang mungkin dialami oleh mana-mana penerima melalui pada apa-apa yang terkandung dalam atau ditinggalkan daripada buku ini.

# PRAKATA

Terlebih dahulu, syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan buku ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dengan cukup memuaskan.

Masyarakat Malaysia adalah sebuah landasan budaya, kepercayaan, dan tradisi yang menggabungkan beragama etnik, agama, dan latar belakang sosial budaya dan pengalaman yang beragama. Dari Kesultanan Melayu Melaka hingga zaman penjajahan kolonial, perpaduan telah menjadi inti yang membentuk identiti Malaysia.

Dengan memahami sejarah panjang perpaduan di Malaysia, kita dapat melihat betapa pentingnya kerjasama antar-etnik, saling penghargaan, dan keharmonian dalam mewujudkan masyarakat yang stabil dan maju.

Prakata ini menguraikan pentingnya memahami masyarakat dan perpaduan di Malaysia, serta menjelaskan bagaimana keragaman budaya dan keberagamaan etnik menjadi kekuatan bagi negara ini, dan membina masa depan yang lebih cerah bagi generasi mendatang.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghulurkan bantuan serta sokongan padu bagi menjayakan penerbitan buku ini. Diharapkan usaha ini memberi manfaat kepada pembaca sekaligus memantapkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

# BIBLIOGRAFI PENULIS



MOHD SHAFIE BIN MOHD AHYAT, memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) pada 04 Januari 2010. Telah bertugas sebagai PPPT di Kolej Komuniti Cawangan Nibong Tebal, Kolej Komuniti Jelebu dan terkini di Kolej Komuniti Pagoh di bawah Unit Pengajian Am. Lulusan Diploma Syariah dari Kolej Islam Selangor (KISDAR) dan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dari Universiti Al-Azhar, Mesir.



ZAWANI BINTI ABU RAIS, memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) pada 22 November 2004. Telah bertugas sebagai pensyarah di Politeknik Kuching Sarawak, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Sultan Idris Shah dan terkini di Kolej Komuniti Pagoh di bawah Unit Pengajian Am. Lulusan Diploma Kejuruteraan Awam serta Pendidikan dari KUiTTHO dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

# ISI KANDUNGAN

i	Penafian
ii	Prakata
iii	Bibliografi Penulis
iv	Isi Kandungan
1	Pengenalan
3	Definisi dan Ciri-ciri Masyarakat Majmuk
8	Faktor-faktor Pembentukan Masyarakat Majmuk
10	Komposisi Etnik di Malaysia
11	Kesan Kemasukan Imigran
16	Faktor yang Mempengaruhi Perpaduan dan Integrasi Nasional
18	Usaha ke arah Perpaduan dan Integrasi Nasional
20	Latar Belakang Rukun Negara
21	Objektif dan Prinsip-prinsip Rukun Negara
27	Strategi Pemantapan Perpaduan Berdasarkan Penghayatan Prinsip Rukun Negara
30	Kesimpulan
31	Latihan Kendiri
34	Rujukan
35	Contoh Video & Artikel

# PENGENALAN



Zaman penjajahan British dari tahun 1786 hingga 1914 merupakan zaman menjadi tempat persinggahan dan penempatan paling penting dalam menentukan pola-pola etnik, ekonomi dan politik negara kita. Justeru itu, semenjak Kesultanan Melayu Melaka, Tanah Melayu sudah menjadi tempat persinggahan dan penempatan bagi pedagang-pedagang daripada pelbagai kebudayaan dan asal usul. Justeru itu, percampuran dan pertembungan budaya dan masyarakat bukanlah merupakan satu fenomena baru di Tanah Melayu.

Zaman penjajahan British dari tahun 1786 sehingga 1914 merupakan zaman paling penting dalam menentukan pola-pola etnik, ekonomi dan politik negara kita.

Fenomena ini telah membentuk lanskap sosial yang kaya dengan warisan budaya yang meliputi bahasa, adat istiadat, makanan, dan kepercayaan. Hal ini menunjukkan bagaimana kepelbagaian telah menjadi ciri utama masyarakat Tanah Melayu selama berabad-abad, memperkaya identitinya dan membentuk kekuatan perpaduan yang unik. Perpaduan dalam masyarakat ini membuatkan kehidupan dan gaya hidup masyarakat majmuk mempunyai sikap kerja sama dalam kehidupan harian mereka.

# MASYARAKAT MAJMUK



Tanah Melayu, yang kini dikenali sebagai Malaysia, mempunyai sejarah yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan budaya. Keunikan ini bermula sejak zaman prasejarah apabila masyarakat pribumi seperti Orang Asli mendiami kawasan ini. Keadaan geografi yang strategik di antara laluan perdagangan timur dan barat menjadikan Tanah Melayu sebagai tempat persinggahan pedagang dari seluruh dunia, membawa bersamanya pelbagai pengaruh budaya, agama, dan adat resam.

Masyarakat majmuk di Tanah Melayu dicirikan oleh kepelbagaian budaya, agama, bahasa, dan adat resam. Meskipun terdapat perbezaan, masyarakat ini hidup bersama dalam harmoni, dengan setiap kumpulan etnik menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Keharmonian ini dipupuk melalui amalan toleransi, penghormatan antara satu sama lain, dan kesedaran tentang pentingnya perpaduan dalam membina sebuah negara yang stabil dan makmur.

# DEFINISI DAN CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK

## DEFINISI MASYARAKAT

- Masyarakat menurut definisi Kamus Dewan (2005) ialah kumpulan manusia yang hidup bersama-sama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu.
- Individu, keluarga dan kumpulan-kumpulan kecil merupakan anggota sesebuah masyarakat.
- Umumnya istilah masyarakat pada asasnya adalah merujuk kepada sekumpulan manusia yang hidup bersama di suatu tempat tertentu dalam satu komuniti yang teratur.



# DEFINISI DAN CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK

## DEFINISI MASYARAKAT MAJMUK

- Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan budaya yang tinggal dalam satu negara. Di Malaysia, masyarakat majmuk merangkumi pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, dan kaum-kaum peribumi lain..



- Masyarakat majmuk (Plural society) yang bermaksud masyarakat pelbagai kaum (Multi-racial society) adalah merujuk kepada suasana kepelbagaian bangsa yang sama-sama atau berkongsi hidup dan tinggal dalam sebuah negara sama.
- Masyarakat Malaysia sering disebut sebagai masyarakat majmuk iaitu sebuah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mengamalkan budaya, agama, bahasa, adat resam dan cara hidup yang tersendiri.

# DEFINISI DAN CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK



## CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK

**01**

Menurut J.S. Furnivall (1939), seorang pakar antropologi, masyarakat majmuk merujuk kepada masyarakat campuran yang berbilang bangsa. Namun campuran ini dalam erti kata yang sebenar bergaul, tetapi tidak bercantum

**02**

Setiap kumpulan mengamalkan agama dan adat, kebudayaan, bahasa, fahaman dan cara hidupnya sendiri.

**03**

Masyarakat majmuk ini juga hidup bersebelahan, tetapi terasing dalam satu unit politik. Dari segi ekonomi pula, wujud pembahagian pekerjaan mengikut kaum dan etnik

# DEFINISI DAN CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK



## CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK

J.S. Furnival (1956) dalam bukunya Colonial Policy and Practice : A Comparative Study of Burma & Netherlands India menggariskan ciri-ciri masyarakat majmuk sebagai berikut :

Terdapat pelbagai jenis manusia (bangsa ,ras ,entik) seperti eropah ,cina ,india dan penduduk asli (bumiputera)

Mereka bercampur tetapi tidak bercantum atau Bersatu.

Hidup berdekatan tapi terpisah dalam sistem unit politik yang sama.

Setiap kumpulan bangsa berpegang kepada agama, kebudayaan, bahasa, idea dan kaedah sendiri.

Dalam sektor perkerjaan terdapat pembahagian tenaga buruh yang ketara mengikut kaum.

# DEFINISI DAN CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK

## CIRI-CIRI MASYARAKAT MAJMUK

Ciri-ciri utamanya termasuk kepelbagaian budaya, kebebasan beragama, penghargaan terhadap kepelbagaian, saling penghayatan, dan pembangunan harmoni untuk memastikan persefahaman dan keamanan antara kumpulan-kumpulan yang berbDalam satu pengenalan ringkas, masyarakat majmuk merujuk kepada komuniti yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, budaya, agama, dan latar belakang yang berbeza.

Harry Eckstein (1966) dalam "Division and Cohesion in Democracy" menulis bahawa masyarakat majmuk adalah masyarakat yang terpisah kerana segmen-semen yang berasingan yang meliputi:



# FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKKAN MASYARAKAT MAJMUK



## 1. PENOLAK (NEGARA ASAL)

- Tiada pekerjaan dan peluang ekonomi – kebuluran dan kemiskinan
- Masalah politik seperti revolusi dsb.
- Masalah alam semulajadi seperti banjir dan gempa bumi

## 2. PENARIK (DESTINASI PENGHIJRAHAN)

Peluang Ekonomi

- Perkembangan perusahaan getah dan bijih timah di Tanah Melayu menimbulkan keperluan terhadap tenaga buruh yang ramai.
- Permintaan yang tinggi terhadap getah dan bijih timah bagi menghasilkan pelbagai jenis barang
- Revolusi Industri di Eropah menyebabkan permintaan bijih timah dan getah.
- Pembesar Melayu mendorong kemasukan pelombong Cina dan berpuas hati dengan mengutip komisen dan cukai.

# FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKKAN MASYARAKAT MAJMUK

## KESTABILAN POLITIK TANAH MELAYU ATAS DASAR BRITISH



Tanah Melayu di bawah jajahan British telah terjamin kestabilan Politiknya . Kestabilan ekonomi di tanah melayu



Banyak tenaga buruh diperlakukan untuk memenuhi keperluan pengusaha – pengusaha ttempatan dan eropah . Maka akhirnya faktor ini telah mendorong kemasukan beramai – ramai buruh dari negara China dan India untuk mengerjakan lombong bijih timah dan ladang getah



# KOMPOSISI ETNIK DI MALAYSIA

Masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk – terdiri daripada pelbagai etnik/kaum/bangsa.

Rumpun bangsa utama yang membentuk masyarakat Malaysia ialah Melayu (termasuk Bumiputera), Cina dan India di samping kaum-kaum minoriti yang lain.

Di Sabah, etnik terbesar ialah Kadazan, Dusun dan Bajau.

Di Sarawak kelompok terbesar ialah Iban, Bidayuh, Melanau, Kelabit dan juga Penan.

Hakikatnya, ini bukan gambaran sebenar yang dapat menerangkan struktur masyarakat kerana terdapat lebih 40 etnik berbeza di Sabah dan Sarawak.



# KESAN KEMASUKAN IMIGRAN

## POLITIK

### Fahaman dan Pengaruh Politik yang Berbeza

- Bagi kaum Cina dan India,mereka lebih pentingkan hal-hal politik yang berlaku di Negara asal mereka berbanding apa yang berlaku di Tanah Melayu.
- Perhubungan antara kaum tidak begitu baik kerana wujud jurang dan prasangka yang mendalam antara satu sama lain. Tidak berlaku proses asimilasi antara kaum kerana dasar pecah dan perintah yang di amalkan oleh British



# KESAN KEMASUKAN IMIGRAN

## EKONOMI

### Perbezaan Tumpuan Sektor Ekonomi

Dasar 'pecah dan perintah' yang diperkenalkan oleh penjajah British di Tanah Melayu merupakan strategi yang digunakan untuk memisahkan pelbagai kaum di negara ini berdasarkan sektor ekonomi dan geografi. Dasar ini telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

**Orang Melayu:** Orang Melayu kekal menjadi petani dan nelayan, terutama di kawasan luar bandar. Mereka tinggal di kampung-kampung dan terlibat dalam sektor pertanian, seperti penanaman padi, kelapa, dan aktiviti perikanan. Ini menyebabkan orang Melayu terus terikat dengan ekonomi tradisional dan kurang terdedah kepada peluang-peluang dalam sektor moden seperti perdagangan dan perindustrian.

**Kaum Cina:** Kaum Cina digalakkan untuk bergiat dalam sektor perdagangan dan perlombongan. Mereka kebanyakannya tinggal di kawasan bandar atau di kawasan perlombongan bijih timah. Dengan penglibatan dalam sektor ekonomi yang lebih moden dan dinamik, kaum Cina berjaya menguasai ekonomi bandar dan perdagangan. Mereka menjadi golongan peniaga dan pengusaha yang berjaya, yang mewujudkan jurang ekonomi antara mereka dengan kaum lain.

**Kaum India:** Kaum India dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh British untuk bekerja di estet-estet getah dan kelapa. Mereka ditempatkan di kawasan estet yang terpencil dan terlibat dalam pekerjaan yang berat dan bergaji rendah. Keadaan ini mengakibatkan kaum India terasing dari masyarakat bandar dan terhad kepada pekerjaan dalam sektor perladangan.

# KESAN KEMASUKAN IMIGRAN

## SOSIAL

### Pengasingan Sistem Pendidikan

- Wujud sistem pendidikan yang berbeza berdasarkan tiga kaum iaitu Sekolah Melayu, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil. Kaum Melayu dibenarkan mendapat pendidikan di sekolah vernakular dan sekolah beraliran Inggeris. Namun, sekolah beraliran Inggeris hanya untuk anak-anak bangsawan sahaja.



### Pemisahan Tempat Tinggal

- Pemisahan ini adalah kesan daripada dasar 'pecah dan perintah' yang diamalkan oleh kerajaan British. Petempatan lebih bercirikan sesuatu kaum yang wujud di Tanah Melayu iaitu kaum Cina, Melayu dan India
- Kaum-kaum ini juga kurang memahami budaya, agama dan adat resam kaum-kaum lain. Ekoran itu, mereka takut untuk berada dalam satu kelompok masyarakat / kawasan tempat tinggal yang sama kerana bimbang akan mencetuskan perselisihan faham.

# KESAN KEMASUKAN IMIGRAN



Percampuran budaya



Kehilangan budaya asal sesuatu kaum



## KESAN PERUBAHAN KEPADA MASYARAKAT MAJMUK

Perubahan hak (pertambahan/ pengurangan)



Satu bangsa satu negara



Perubahan status sesuatu masyarakat atau bangsa



# KESAN KEMASUKAN IMIGRAN

## KESAN PERUBAHAN KEPADA MASYARAKAT MAJMUK

### Percampuran budaya

- Percampuran budaya dalam masyarakat majmuk sering kali menghasilkan pengayaan budaya di mana unsur-unsur dari pelbagai budaya digabungkan. Ini boleh dilihat dalam makanan, pakaian, seni, dan amalan sosial. Sebagai contoh, makanan seperti nasi lemak yang popular di Malaysia adalah hasil percampuran budaya yang menjadi simbol perpaduan.

### Perubahan hak (Pertambahan/Pengurangan)

- Perubahan dalam struktur politik atau perundangan boleh membawa kepada peningkatan atau pengurangan hak-hak tertentu. Sebagai contoh, pengiktirafan hak-hak asasi dan perlindungan undang-undang kepada semua kaum dan agama boleh meningkat dalam sistem demokrasi.

### Perubahan status sesuatu masyarakat atau bangsa.

- perubahan ekonomi dan sosial boleh mengubah status sesebuah masyarakat atau bangsa. Sebagai contoh, melalui pendidikan dan peluang ekonomi, sesuatu komuniti boleh meningkatkan status sosial dan ekonomi mereka, beralih daripada kelas pekerja kepada kelas menengah atau lebih tinggi.

### Satu bangsa satu negara

- Ideologi 'satu bangsa satu negara' sering kali bertujuan untuk menyatukan pelbagai etnik dan budaya di bawah satu identiti nasional yang sama. Ini boleh memupuk perpaduan nasional dan rasa kebersamaan dalam masyarakat.

### Kehilangan budaya asal sesuatu kaum

- Dalam proses percampuran budaya dan pembentukan identiti nasional, budaya asal sesuatu kaum mungkin terancam. Amalan tradisional, bahasa, dan seni budaya yang unik mungkin semakin hilang atau hanya dipraktikkan oleh generasi yang lebih tua.



# FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTERGRASI NASIONAL

## 1. PERKONGSIAN KUASA POLITIK DI MALAYSIA

Penyatuan parti berbilang kaum dalam satu pertubuhan yang lebih besar. Pada era 1950-an, sebuah parti politik yang dinamakan Parti perikatan yang menggabungkan parti Melayu, Cina dan India. Gabungan ini telah mencapai kemenangan dalam pilihanraya tahun 1955 membuktikan penggabungan etnik dalam satu pertubuhan politik mendapat sokongan rakyat.

## 2. KERAJAAN DEMOKRSI

Pengamalan demokrasi berparlimen telah memudahkan rakyat menyatakan pendapat mereka melalui wakil etnik mereka di parlimen. Mereka boleh menyatakan bantahan dan ketidakpuasan melalui suara wakil mereka mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.



# FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERPADUAN DAN INTERGRASI NASIONAL

## 3. PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BAIK

Pertumbuhan ekonomi yang berterusan dapat mengurangkan jurang perbezaan dan tuntutan ekonomi antara semua kaum. Program yang dirancang telah berjaya diuruskan dengan baik dan memberi kesan yang positif kepada rakyat.

## 4. TOLAK ANSUR BUDAYA

Budaya melayu yang diamalkan menjadi teras dalam kebudayaan kebangsaan dan budaya lain boleh diamalkan oleh etnik. Pengajuran majlis perayaan yang mendapat kerjasama daripada semua kaum dapat merapatkan hubungan dan persefahaman dalam masyarakat berbilang kaum.



# USAHA KE ARAH PERPADUAN DAN INTERGRASI NASIONAL

## 1. STRATEGI PERUNDANGAN

- Peruntukan Perlembagaan
- Penguatkuasaan undang-undang yang berperanan mencegah seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Hasutan.

## 2. STRATEGI POLITIK

- Politik perikatan
- Rukunegara



# USAHA KE ARAH PERPADUAN DAN INTERGRASI NASIONAL

## 3. STARTEGI EKONOMI

- Agihan kekayaan secara adil dan merapatkan jurang kemiskinan antara kaum. Contoh : ( Dasar Ekonomi Baharu)

## 4. STRATEGI SOSIAL

- Satu bahasa
- Satu akhbar
- Sistem persekolahan dan kandungan silibus yang seragam
- Pengenalan matapelajaran wajib
- Garis panduan penyiaran yang seragam



# LATAR BELAKANG RUKUN NEGARA

## SEJARAH / PENGENALAN

- Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 mengugat keamanan dan kestabilan negara dan tindakan serta merta telah diambil untuk mengistihar darurat
- Pengisytiharan darurat menyebabkan kerajaan berparlimen digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk keamanan, menegakkan semula undang-undang dan sikap saling mempercayai dalam kalangan rakyat
- MAGERAN menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MPN) di bawah peraturan – peraturan perlu Majlis Perundingan 1970 berfungsi membincangkan isu-isu perpaduan nasional dan menyelesaikan masalah hubungan antara kaum
- MPN memutuskan negara Malaysia yang berbilang kaum memerlukan satu ideologi negara yang boleh diamalkan oleh seluruh rakyat kearah pembentukan negara yang bersatu-padu
- Rukun Negara telah diistiharkan oleh Yang Dipertuan Agong pada 31 Ogos 1970



# OBJEKTIF DAN PRINSIP - PRINSIP RUKUN NEGARA

Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia. Rukun Negara terbahagi kepada dua bahagian :

- Bahagian Pertama - Menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk
- Bahagian Kedua - Menggariskan Lima Prinsip Rukun Negara yang berikut

## BAHAGIAN PERTAMA – MENGGARISKAN OBJEKTIF MASYARAKAT MALAYSIA YANG MAHU DIBENTUK

1. Mencapai perpaduan yang lebih erat

- Semua rakyat hendaklah mendukung cita-cita membentuk satu bangsa dan negara di mana ahli masyarakatnya menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan perbezaan kepercayaan masing-masing

2. Mencipta sebuah masyarakat yang adil

- Semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara
- Masyarakat yang adil akan wujud jika kekayaan negara dapat dibahagikan adil dan saksama

3. Memelihara satu cara hidup demokratik

- Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik rakyat negara ini asalkan tidak melanggar undang-undang negara

# OBJEKTIF DAN PRINSIP - PRINSIP RUKUN NEGARA

4. Membentuk satu sikap yang liberal

- Masyarakat negara bebas mengamalkan agama dan adat resam serta kebudayaan masing-masing sesuai dengan matlamat perpaduan negara

5. Membina sebuah masyarakat yang progresif

- Kita bercita-cita mewujudkan sebuah masyarakat progresif mencapai kemajuan di bidang sains dan teknologi selaras perkembangan teknologi dunia tanpa sempadan
- Namun begitu kemajuan teknologi tidak akan menjadikan rakyat terkeluar daripada batas agama dan nilai ketuhanan



# OBJEKTIF DAN PRINSIP - PRINSIP RUKUN NEGARA


BAHAGIAN KEDUA - MENGGARISKAN LIMA PRINSIP RUKUN NEGARA YANG BERIKUT

- 
- The diagram consists of five horizontal white boxes, each containing one of the five principles of the Rukun Negara. To the left of each box is a red circle containing a white number from 01 to 05. A thin black line connects the top of each circle to the start of its respective principle text. The principles are listed vertically from top to bottom: O1 Kepercayaan Kepada Tuhan, O2 Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, O3 Keluhuran Perlembagaan, O4 Kedaulatan Undang-undang, and O5 Kesopanan dan Kesusilaan.
- O1 Kepercayaan Kepada Tuhan
  - O2 Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
  - O3 Keluhuran Perlembagaan
  - O4 Kedaulatan Undang-undang
  - O5 Kesopanan dan Kesusilaan

# OBJEKTIF DAN PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA

## 1. KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

- Agama merupakan unsur yang penting untuk mengutuhkan keperibadian seseorang serta sebuah bangsa dan negara.
- Pegangan agama dapat mendorong seseorang untuk melakukan kebaikan dan menghindari kejahanan.
- Agama Islam telah ditetapkan sebagai rasmi dalam perlembagaan Persekutuan Malaysia dan penganut agama lain bebas mengamalkan agama masing-masing.



## 2. KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

- Yang Di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan raja/sultan atau Yang Dipertua Negeri sebagai ketua negeri.
- Prinsip ini menekankan kesetiaan kepada ketua negara dan ketua negeri masing-masing..

# OBJEKTIF DAN PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA

## 3. KELUHURAN PERLEMBAGAAN

- Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara.
- Prinsip ini menekankan supaya rakyat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan persekutuan Malaysia.
- Perlembagaan berfungsi memberikan perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat dalam negara.



## 4. KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

- Undang-undang adalah penting untuk menjamin kebebasan asasi setiap individu.
- Setiap rakyat adalah sama taraf dari segi undang-undang.
- Undang-undang perlu dipatuhi untuk memastikan kedaulatannya sentiasa terpelihara.

# OBJEKTIF DAN PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA

## 5. KESOPANAN DAN KESUSILAAN

- Prinsip ini adalah untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa bersopan santun dan penuh tatasusila.
- Prinsip ini menekankan perkembangan personality tingkah laku seseorang; tutur kata, Bahasa yang lembut, perbuatan yang halus dan hubungan baik sesama kaum.



# STRATEGI PEMANTAPAN PERPADUAN BERDASARKAN PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA

## MEMUPUK PERPADUAN

- Perlu dijalankan secara berterusan ,berkesinambungan ,berhemah dan tertib
- Kombinasi nilai-nilai murni seperti kasih sayang,bertolak ansur dan menjaga ukhwah hendaklah dimiliki oleh setiap individu
- Perlaksanaan peringkat sekolah rendah melalui kurikulum
- Perpaduan meliputi ciri-ciri afektif individu seperti perasaan, emosi, sentimen sikap dan nilai

## SIFAT TOLERANSI

- Sifat ini keperluan dalam hidup manusia terutama dalam Masyarakat Malaysia yang terdiri pelbagai kaum ,agama dan kepercayaan
- Toleransi bermaksud boleh bertolak ansur ,sedia mendengar padangan orang lain dan mampu mengelakkan pergaduhan



# STRATEGI PEMANTAPAN PERPADUAN BERDASARKAN PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA

## MEMELIHARA KEADILAN

- Tujuan keadilan ialah menjamin keharmonian dan kesejahteraan
- Adil ialah meletakkan sesuatu pada haknya
- Adil juga bermaksud tindakan hukuman atau keputusan yang diambil mendasari pertimbangan yang wajar dan berpatutan
- Dalam semua perkara rakyat perlu dilayan sama rata tanpa mengira perbezaan warna kulit, kepercayaan, jantina dan lain-lain lagi

## MENGAMALKAN KEBEBASAN

- Kebebasan dalam sistem demokrasi membolehkan rakyat bersuara untuk menyampaikan pandangan dan pendapat masing-masing



# STRATEGI PEMANTAPAN PERPADUAN BERDASARKAN PENGHAYATAN PRINSIP RUKUN NEGARA

## SIFAT HORMAT-MENGHORMATI

- Mengamalkan sifat saling hormat –menghormati kepada ibu bapa, jiran ,orang lebih tua ,raja, pemimpin dan adat resam kaum lain
- Sifat ini lah yang akan melahirkan perasaan memuliakan, menghargai dan menghormati orang lain bagi mewujudkan keamanan segajah.

## AMALAN BERKERJASAMA

- Sifat muafakat dalam gotong-royong merupakan amalan berkerjasama dalam Masyarakat tanpa membawa maksud meminta upah
- Mampu melahirkan persefahaman yang utuh dan mantap

## SEMANGAT PATRIOTISM DAN NASIONALISME

- Setiap individu dituntut mempunyai peranan dan tanggungjawab mengekalkan keamanan negara



# KEMASYARAKATAN DAN PERPADUAN



Kesimpulannya, pembentukan masyarakat majmuk dan perpaduan di Malaysia melibatkan pemahaman tentang definisi dan ciri-ciri masyarakat majmuk, serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kewujudannya. Komposisi etnik di Malaysia dan kesan kemasukan imigran turut memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian masyarakat. Di samping itu, konsep perpaduan negara dan integrasi nasional sangat penting untuk membentuk hubungan sosial yang harmoni dalam masyarakat majmuk. Faktor-faktor yang mempengaruhi perpaduan serta usaha ke arah integrasi nasional harus diambil kira bagi memastikan kestabilan sosial. Rukun Negara juga merupakan strategi utama dalam memantapkan perpaduan, di mana latar belakang, objektif, dan prinsip-prinsipnya perlu dihayati. Melalui penghayatan prinsip-prinsip ini, perpaduan dalam kalangan pelajar dan masyarakat dapat diperkuuhkan, sekali gus menyumbang kepada keharmonian negara.

# LATIHAN KENDIRI

## SOALAN OBJEKTIF

1. Perpaduan antara kaum di Malaysia dapat dicapai melalui:
  - A. Pengasingan mengikut kaum
  - B. Aktiviti sosial bersama
  - C. Pengasingan sekolah mengikut kaum
  - D. Penubuhan parti politik berdasarkan kaum
  
2. Apakah kepentingan perpaduan kaum kepada negara Malaysia?
  - A. Menggalakkan perpecahan dalam masyarakat
  - B. Mewujudkan ketidakstabilan politik
  - C. Memastikan keamanan dan keharmonian
  - D. Meningkatkan ketegangan antara kaum
  
3. Antara berikut, apakah salah satu langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan?
  - A. Melarang interaksi antara kaum
  - B. Menggalakkan kerjasama dalam program pendidikan
  - C. Menghapuskan budaya tradisional kaum
  - D. Mewujudkan perkauman
  
4. Konsep "1Malaysia" diperkenalkan untuk:
  - A. Mengutamakan satu kaum sahaja
  - B. Mewujudkan integrasi dalam kalangan rakyat
  - C. Menindas kaum minoriti
  - D. Memisahkan kaum dari segi ekonomi
  
5. Apakah peranan pendidikan dalam memupuk perpaduan antara kaum di Malaysia?
  - A. Memupuk kebencian antara kaum
  - B. Memisahkan pelajar mengikut kaum
  - C. Mendidik pelajar tentang kepentingan perpaduan
  - D. Menggalakkan perselisihan faham antara pelajar

# LATIHAN KENDIRI

## SOALAN OBJEKTIF

6. Apakah faktor utama yang mendorong kepada perpecahan antara kaum di Malaysia?

- A. Toleransi antara kaum
- B. Keseimbangan ekonomi
- C. Diskriminasi antara kaum
- D. Pendidikan yang adil

7. Antara berikut, manakah usaha masyarakat yang boleh menggalakkan perpaduan?

- A. Mengamalkan sifat prejudis terhadap kaum lain
- B. Menggalakkan perbezaan agama
- C. Saling menghormati dan bekerjasama
- D. Mengasingkan diri daripada kaum lain

8. Antara berikut, manakah yang bukan cabaran utama dalam usaha mewujudkan perpaduan di Malaysia?

- A. Kepelbagaian budaya
- B. Kurangnya interaksi antara kaum
- C. Penyertaan dalam aktiviti sosial bersama
- D. Diskriminasi kaum

9. Apakah yang dimaksudkan dengan integrasi nasional?

- A. Perpaduan hanya dalam kalangan satu kaum
- B. Penggabungan budaya dan identiti negara
- C. Proses mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
- D. Mengasingkan kaum dari segi sosial

10. Apakah akibat jika masyarakat gagal mencapai perpaduan?

- A. Pertumbuhan ekonomi yang pesat
- B. Ketidakstabilan politik dan sosial
- C. Perpaduan lebih kukuh
- D. Meningkatkan kemakmuran negara

# LATIHAN KENDIRI

## SOALAN BETUL/SALAH

1. Masyarakat yang bersatu padu dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni. (Betul / Salah)
2. Perpaduan hanya boleh dicapai jika semua kaum mengamalkan budaya yang sama. (Betul / Salah)
3. Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk sikap positif terhadap perpaduan kaum. (Betul / Salah)
4. Perpaduan hanya penting dalam kalangan generasi muda. (Betul / Salah)
5. Aktiviti gotong-royong dan sambutan perayaan bersama dapat memupuk perpaduan kaum di Malaysia. (Betul / Salah)
6. Masyarakat yang hidup dalam keadaan berpecah-belah akan lebih stabil. (Betul / Salah)
7. Dasar kerajaan yang adil dan saksama dapat membantu memperkuatkan perpaduan dalam kalangan rakyat. (Betul / Salah)
8. Usaha perpaduan hanya perlu dijalankan di kawasan bandar sahaja. (Betul / Salah)
9. Diskriminasi kaum merupakan salah satu halangan utama dalam mencapai perpaduan nasional. (Betul / Salah)
10. Masyarakat yang tidak bersatu akan lebih mudah mencapai kemajuan ekonomi. (Betul / Salah)

# RUJUKAN

1. Abdul Rahman Embong (2006). Masyarakat malaysia: Teori, Isu dan Cabaran. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Syed Husin Ali (2008). Malaysia: Ethnicity, Culture and Politics. Strategic Information and Research Development Centre.
3. Khoo Kay Kim (2012). Perpaduan Kaum di Malaysia: Sejarah dan Cabaran. Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Malaysian Journal of Social Policy and Society.

<https://myjurnal.mohe.gov.my/public/browse-journal-view.php?id=414>

# CONTOH VIDEO & ARTIKEL



<https://www.youtube.com/watch?v=O19xSLhxlvQ>



[https://www.bharian.com.my/rencana/ko  
mentar/2019/01/516954/rukun-  
negara-bukan-sekadar-dihafal](https://www.bharian.com.my/rencana/ko mentar/2019/01/516954/rukun-negara-bukan-sekadar-dihafal)



[https://www.bharian.com.my/berita/nasional  
/2020/06/704888/perkasakan-rukun-  
negara](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/704888/perkasakan-rukun-negara)

e ISBN 978-967-16402-7-2



DITERBITKAN OLEH:  
Kolej Komuniti Pagoh  
No 1-6, Jalan Pagoh Jaya 1/5,  
Taman Pagoh Jaya, 84500 Muar, Johor.

Telefon : 06-9736001

